

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 19 JULAI 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 48

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah institut latihan memandu di seluruh negara yang dikesan mengenakan bayaran melebihi kadar yang ditetapkan pihak Kementerian dan apakah tindakan yang dilakukan terhadap institut latihan memandu yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan bagi tahun 2018 ke atas 220 buah Institut Memandu (IM) sebanyak 53 buah IM telah di kesan mengenakan bayaran melebihi kadar yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Tindakan saman telah dikenakan ke atas IM yang tidak mengikut harga siling yang ditetapkan di bawah Kaedah 9A, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992.

Pihak JPJ amat memandag serius berhubung dengan pelanggaran arahan pematuhan harga siling yang ditetapkan. Sehubungan itu, operasi pemantauan akan sentiasa dijalankan secara berterusan.